

30/04/2000

Memegang janji menolak politik wang

Kadir Dikoh

PERAKUAN bertulis oleh 15 calon untuk menghentikan apa juga bentuk kempen menjelang pemilihan Umno bulan depan mencatat sejarah baru dalam parti itu. Tindakan semua sembilan calon naib presiden, dua calon masing-masing bagi jawatan ketua Wanita, naib ketua Wanita dan naib ketua Pemuda, menandatangani ikrar di hadapan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam Isnin lalu, bermakna kesanggupan mereka bertanding secara sihat tanpa menggunakan pengaruh wang.

Semua 63 calon Majlis Tertinggi (MT) turut sepakat berbuat demikian apabila mengadakan pertemuan tertutup kira-kira tiga jam dengan Dr Mahathir di Seri Perdana malam Jumaat lalu.

Pada pertemuan itu, Dr Mahathir menasihatkan calon menjauhi sebarang bentuk politik wang serta kempen yang tidak sihat bagi menjaga imej dan masa depan parti. Bagaimanapun, mereka tidak membuat perakuan bertulis seperti dilakukan oleh 15 calon itu.

Malah, kesediaan Dr Mahathir mendedahkan sendiri nama calon yang didapati mengamalkan rasuah dan politik wang dalam kempen mereka ketika menyampaikan ucapan dasarnya di perhimpunan itu nanti, sudah cukup jelas bahawa Umno mahu menghapuskan amalan tidak sihat serta menolak pemimpin mengamalkan rasuah.

"Kali ini, Perdana Menteri bersungguh-sungguh mahu masalah ini dibendung, meskipun sukar untuk menghapuskannya sama sekali. Namun mesej sudah jelas, iaitu Umno perlu diterajui oleh pemimpin yang bukan saja berwibawa malah bersih," kata seorang pemerhati politik yang percaya isu rasuah antara intipati dalam ucapan dasarnya pada 11 Mei ini.

Seorang penganalisis politik berkata, amat jarang Dr Mahathir menyatakan lebih awal intipati isu yang akan disentuhnya dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno dan lebih gemar membuat kejutan sehingga perwakilan menunggu dengan penuh minat mesej yang bakal disampaikan pada hari perasmian perhimpunan.

Kali ini agak berbeza, katanya, sambil melahirkan rasa hairan mengapa isu politik wang tiba-tiba menjadi "agenda" sedangkan masalah itu setakat ini tidak seteruk seperti pada pemilihan 1984, 1987 dan 1993 apabila berjuta-juta ringgit wang bertaburan dan bertukar tangan di bilik hotel serta restoran ketika itu.

Namun, sumber menyatakan sudah ada tanda-tanda ada calon bersedia menaburkan wang pada minit terakhir menjelang pemilihan 11 Mei ini kerana percaya kemenangan kali ini memberi makna lebih besar dan memungkinkan laluan untuk naik ke jawatan lebih tinggi dalam parti lebih cepat ketika Umno berada di ambang peralihan kuasa.

"Mereka sanggup berbuat apa saja sebagai jalan pintas untuk mencapai cita-cita besar. Mungkin Perdana Menteri sudah menghidu hal ini menyebabkannya awal-awal lagi memberi amaran keras," katanya.

Dr Mahathir, katanya, lebih sayangkan parti dan mahu pemimpin bukan saja yang bakal menggantinya, malah bakal mengganti penggantinya bersih daripada amalan rasuah.

Sebab itu, kata beliau, Presiden Umno lebih memberi tumpuan kepada calon di kalangan naib presiden supaya pemimpin pelapis ini mencapai kemenangan berdasarkan kewibawaan mereka, bukan melalui politik wang. Mesej ini jelas ketika Dr Mahathir mengadakan sidang akhbar Selasa lalu bagi mengumumkan ikrar 15 calon berkenaan yang antara lain berbunyi:

"Kita tak nak sesiapa menjadi pemimpin negara kita ini yang naik dengan

menggunakan rasuah. Kita tidak mahu pemimpin rasuah di negara ini. Yalah kalau pada peringkat bawah mungkin tak begitu masalah sangat. Tetapi kita tahu bahawa pemimpin Umno ada kemungkinan menjadi menteri, ada kemungkinan menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri. Kalau dia naik melalui korupsi, maka kita akan mendapat pemimpin yang terbabit dengan rasuah, pemimpin yang terbabit dengan rasuah tidak mungkin jadi pemimpin yang baik."

Malah, nasihat Dr Mahathir kepada media supaya mengelak membuat analisis mengenai calon yang bertanding serta menemuramah mereka juga dilihat bagi memberi keadilan kepada semua calon.

Seorang pensyarah sains politik di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan berpendapat, nasihat Dr Mahathir kepada media dilihat lebih menjurus kepada kalangan calon naib presiden.

"Bagi sesetengah orang, arahan menghentikan segala bentuk kempen, tidak adil kepada calon di kalangan muka baru berbanding kelebihan publisiti bagi calon di kalangan menteri yang saban hari muncul di kaca televisyen atau dada akhbar kerana tugas rasmi di kementerian masing-masing. Tetapi kita harus ingat, siapa di kalangan perwakilan yang tidak kenal semua sembilan calon naib presiden? Meskipun cuma seorang calon naib presiden (Tan Sri Muhammad Muhd Taib) tiada jawatan dalam parti, tetapi semua perwakilan mengenalinya.

"Calon muka baru atau yang benar-benar baru hanya wujud di kalangan mereka yang merebut jawatan MT atau exco Pemuda dan Wanita.

Perjalanan golongan baru ini masih jauh dan masa masih banyak lagi untuk menonjolkan diri. Malah, ramai calon MT juga daripada menteri, timbalan menteri, menteri besar/ketua menteri dan setiausaha Parlimen atau sekurang-kurangnya memegang jawatan awam," katanya.

Amanat Dr Mahathir ialah supaya pemimpin pelapis yang dikira boleh diketengahkan iaitu di peringkat naib presiden, bersih daripada amalan politik dan cara terbaik bagi memastikan mereka ini dipilih berdasarkan keupayaan adalah memberhentikan segala bentuk kempen bagi mengelak pengaruh wang.

"Biarlah calon yang betul-betul baru menghadapi halangan untuk memperkenalkan diri, asalkan calon bagi jawatan kanan itu mesti dipastikan bersih terlebih dulu sebelum giliran mereka (orang baru) pula sampai ketikanya nanti," katanya.

Turut ditegah dalam kempen seperti diumumkan oleh Dr Mahathir ialah tindakan perwakilan menemui calon di rumah, berkempen menggunakan telefon dan faksimili.

Bunyinya memang agak pelik kerana berinteraksi dan menemui calon di rumah yang pada sesetengah pihak, sebahagian daripada budaya orang Melayu.

Begitu juga penggunaan telefon atau faksimili yang juga dianggap amalan biasa yang sukar dibendung apatah lagi dikenal pasti. Tetapi disebabkan keghairahan sesetengah calon menggunakan pelbagai cara untuk berkempen dan sesetengah perwakilan mengambil kesempatan, larangan itu wajar.

Misalnya, beberapa perwakilan mengatakan kertas mesin faksimili di pejabat mereka kerap kehabisan kerana sesetengah calon menghantar segala latar belakang termasuk keratan akhbar mengenai kenyataannya dan apa yang dilakukan dalam perjuangan Umno sehingga berbelas muka surat.

Malah, ada calon yang pernah menulis buku menghantarnya ke pejabat perwakilan untuk memperkenalkan diri melalui tulisannya.

"Nasib baik belum ada lagi mesin faksimili yang boleh menghantar faks dalam bentuk buku," kata seorang perwakilan secara berseloroh.

"Telefon bimbit saya berdering dari pagi hingga larut malam termasuk daripada orang yang saya sendiri tidak kenal bagi menyampaikan salam bos atau rakannya yang menjadi calon. Malah, ada calon yang menawarkan untuk memberi khidmat mendapatkan biasiswa untuk anak saya menyambung pelajaran.

"Kalaulah saya tidak rasional, kutip RM100 daripada setiap orang yang menelefon, sudah cukup makan untuk sebulan," kata seorang lagi ketua bahagian yang menjadi tumpuan kempen calon.

Dr Mahathir dalam sidang akhbar yang sama apabila ditanya pemberita bagaimana mengenal pasti calon yang berkempen menggunakan faksimili, dengan mudah menjawab: "Kita tak boleh periksa semua tetapi jika kita mendapat maklumat itu... as far as i am concerned, he is finished (bagi saya, kerjaya politiknya berakhir)."

Kenyataannya itu sudah cukup kuat dan selepas ini, mungkin calon berfikir dua kali sebelum menghantar biodata melalui faksmili kerana akan mudah dikenal pasti dan penerimanya boleh membuat aduan. Begitu juga kempen menerusi telefon.

Bagaimana pula dengan perwakilan yang datang ke rumah calon? "Kalau perwakilan datang rumah pun, mereka (calon) mesti memberitahu kepada perwakilan - maaf saya tak boleh berjumpa, ini arahan parti," kata Dr Mahathir sambil menegaskan, setiap hari boleh dikatakan ada 600 perwakilan parti berada di Kuala Lumpur untuk menemui calon.

Dengan itu, ikrar yang dibuat oleh 15 calon terbabit antara lain berbunyi: "Tidak akan menghubungi perwakilan atau membenarkan perwakilan menghubungi kami, dengan apa cara sekalipun, termasuk lawatan ke rumah calon, penggunaan telefon, faksimili dan sebagainya."

Sebenarnya, masalah rasuah dan politik wang mudah dihapuskan jika semua pihak memberi kerjasama untuk membersihkan Umno daripada amalan tidak sihat. Tiada pemberi, bermakna tiada penerima.

"Kadangkala calon seperti serba salah apabila perwakilan datang ke rumah. Yang sedihnya, ada semacam satu ugutan meskipun mereka tidak meminta wang secara terang. Namun, saya lega dengan arahan terbaru yang menegah perwakilan ke rumah," kata seorang calon MT.

Seorang pemandu calon pula berkata setengah perwakilan datang menggunakan teksi ke rumah bosnya dan dia terpaksa menghantar mereka pulang ke hotel penginapan di tengah malam buta.

"Bukan itu saja, saya turut membawa mereka berjalan-jalan melihat suasana malam ibu negara dan kemudian berakhir di meja makan," katanya.

Walaupun demokrasi membolehkan seseorang pejuang parti menjadi popular dan disukai ramai, tetapi kaedah mencari populariti bukanlah dengan menabur wang, apatah lagi mencaci orang lain.

Apabila wang digunakan sebagai sogokan membeli undi dan pengaruh, maka akan hilanglah iltizam dan idealisme perjuangan.

(END)